

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 17
 RUANGAN : NASIONAL

'Situasi COVID-19 terkawal, tak perlu takut mengundi'

KKM sudah dapat pandangan pakar, rakyat perlu patuh SOP, pakai pelitup muka



Oleh Noor Atiqah Sulaiman
 nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Sungai Buloh: Orang ramai tidak perlu takut untuk keluar mengundi Sabtu ini kerana situasi COVID-19 di negara ini masih terkawal.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata pihaknya turut mendapat pandangan pakar mengenai keadaan jangkitan COVID-19 terkini.

"Dua minggu lalu saya keluaran nasihat berkaitan dengan gelombang COVID-19 baharu yang melanda negara, syukurilah dengan sokongan daripada rakyat yang mendengar nasihat Kementerian Kesihatan (KKM), kita li-



Khairy pada sidang media mengenai situasi semasa COVID-19 di Hospital Sungai Buloh, semalam. (Foto BERNAMA)

hat pada minggu lalu kes baharu menurun sebanyak 13.4 peratus berbanding minggu sebelumnya.

"Saya juga sudah bertanyakan kepada Timbalan Ketua Pengarah KKM serta pakar daripada bahagian penyakit berjangkit bagaimana dengan kemasukan pesakit COVID-19 di hospital, tiada peningkatan dilaporkan dan jumlahnya kini dilihat mula turun," katanya pada sidang media berkaitan pengurusan COVID-19 menjelang hari mengundi, di bilik Media Hospital Sungai Buloh, di sini, semalam.

Khairy berkata, pihaknya ya-

kin situasi COVID-19 dan gelombang kecil itu dalam keadaan terkawal, tetapi pada masa sama beliau menasihatkan orang ramai terus berwaspada dan berhati-hati terutamanya pada hujung minggu.

"Ini kerana (hujung minggu ini) akan adanya ceramah, kempen serta hari pengundian yang sudah tentu akan berlakunya kesesakan.

"Selamat untuk keluar mengundi, saya dah minta pandangan pakar dan mereka menyatakan gelombang kini terkawal," katanya.

Mengenai kebimbangan ma-

syarakat bahawa tiada laluan khas kepada individu positif COVID-19 untuk mengundi dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), Khairy meminta masyarakat untuk mematuhi prosedur operasi standard (SOP) termasuk pemakaian pelitup muka.

Malah, kebimbangan masyarakat sekiranya COVID-19 boleh menular ketika mencelup jari ke dakwat kerana ia turut digunakan kepada pesakit COVID-19, Khairy berkata, mereka perlu mengamalkan penggunaan cecair membasmi kuman atau *hand sanitizer* sebelum dan selepas membuang undi.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Gelombang Covid-19 terkawal

'Jangan takut mengundi'

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH
 KHAIRUL

SUNGAI BULOH – Rakyat Malaysia tidak perlu takut untuk keluar mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) Sabtu ini kerana situasi Covid-19 di negara ini masih terkawal.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, pihaknya telah mendapatkan pandangan daripada pakar mengenai keadaan semasa jangkitan virus berkenaan dan mendapati gelombang Covid-19 berada dalam keadaan terkawal.

"Dua minggu lalu saya keluaran nasihat berkaitan gelombang Covid-19 baharu yang melanda negara, syukurilah dengan sokongan kita lihat pada minggu lalu kes jangkitan menurun sebanyak 13.4 peratus berbanding minggu sebelumnya.

"Saya juga mendapat laporan daripada bahagian penyakit berjangkit dan dilaporkan tiada peningkatan kes akibat Covid-19. Dengan itu saya yakin bahawa situasi Covid-19 dan gelombang kecil ini dalam keadaan terkawal.

"Bagaimanapun, kita nasihatkan masyarakat untuk terus berwaspada kerana dalam tempoh beberapa hari ini akan adanya ceramah, kempen dan pengundian yang sudah tentu sesak," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Khairy Ja-

maluddin berkata, tiada sebarang saluran khas diberikan kepada pengundi yang disahkan positif Covid-19 termasuklah bekas dakwat untuk mencelup jari bagi membuang undi.

"Pesakit Covid-19 yang disahkan positif boleh turun mengundi. Mereka wajib pakai pelitup muka dari keluar rumah sehingga selesai tanggungjawab dan mestilah lapor kepada petugas Kementerian Kesihatan (KKM) di pintu masuk pusat pengundian," jelasnya.

Khairy Jamaluddin berkata, pengundi positif Covid-19 akan diiringi petugas KKM sepanjang berada di pusat mengundi.

"Tiada saluran khas, tetapi pesakit positif akan diiringi petugas KKM sehingga pintu masuk bilik mengundi. Kita tidak mahu mereka beratur dan menunggu bersama pengundi lain (negatif Covid-19).

"Mereka juga akan menggunakan bekas dakwat dengan pengundi lain dan sebelum itu, mereka perlu menggunakan pembersih tangan atau *hand sanitizer*. Langkah ini dilihat paling selamat untuk mereka buang undi," ujarnya.

Pada masa sama, Khairy Jamaluddin meminta semua pengundi untuk memakai pelitup muka ketika berada di pusat pengundian bagi mengekang penularan jangkitan Covid-19.



KHAIRY JAMALUDDIN menegaskan gelombang Covid-19 berada dalam keadaan terkawal dan tiada peningkatan kes dilaporkan.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEGARA

3,457 kes Covid-19 direkodkan

PUTRAJAYA – Negara mencatatkan sebanyak 3,457 kes berbanding kelmarin iaitu 3,304 kes, manakala pesakit sembuh pula seramai 3,736 orang.

Ini menjadikan jumlah kumulatif Covid-19 di negara ini sebanyak 4,960,179.

Selangor menjadi negeri tertinggi iaitu 1,187 kes, diikuti Kuala Lumpur (322), Sabah (266), Melaka (262), Pulau Pinang (216), Kedah (171), Pahang (159), Sarawak (158), Negeri Sembilan (146), Perak (139), Putrajaya (131) dan Kelantan (124).

Selain itu, Terengganu (77), Johor (79) dan Labuan (16) dan

Perlis dengan empat kes.

Dalam perkembangan melibatkan kematian Covid-19, Malaysia mencatatkan sembilan kes berbanding jumlah kelmarin lapan kes sekali gus menjadikan jumlah terkini sebanyak 36,583 kes.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar memberi jaminan keadaan adalah selamat untuk masyarakat mengundi hari ini.

"Selamat untuk keluar mengundi, saya sudah minta pandangan pakar dan mereka menyatakan gelombang kini terkawal," ujar beliau.



WALAUPUN kes harian Covid-19 menunjukkan peningkatan orang ramai tidak perlu bimbang untuk menunaikan tanggungjawab mengundi sempena PRU15.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Pengundi positif perlu lapor MySejahtera

Mereka juga mesti lapor status jangkitan itu kepada petugas KKM di pintu masuk pusat mengundi

SUNGAI BULOH

Pengundi yang positif Covid-19 perlu melaporkan status kesihatan mereka dalam aplikasi MySejahtera masing-masing untuk mendapat pemakluman mengenai garis panduan mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), Sabtu ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dalam sidang media mengenai situasi semasa Covid-19 di sini pada

Khamis berkata, garis panduan tersebut akan dihantar menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) berserta pautan berkaitan.

"Bila klik pautan tersebut, mereka akan dapat maklumat tentang garis panduan mengundi bagi individu positif Covid-19. Sebagai contoh, mereka tidak dibenarkan menaiki pengangkutan awam dan wajib memakai pelitup muka semasa berada di pusat mengundi.

"Mereka juga tidak dibenarkan menaiki kenderaan awam termasuk e-hailing dan perlu segera pulang selepas selesai mengundi dan juga diwajibkan memakai pelitup muka," katanya.

Khairy berkata, pada hari pengundian, pengundi yang positif Covid-19 mesti melaporkan status jangkitan mereka itu kepada petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di pintu masuk pusat



Khairy ketika sidang media mengenai situasi semasa Covid-19 di Hospital Sungai Buloh pada Khamis.

mengundi.

"Pesakit Covid-19 akan diiringi oleh KKM sehingga pintu masuk bilik mengundi maksudnya, mereka tidak akan beratur dengan pengundi lain...sebab

setelah KKM membuat penilaian risiko, kita tidak mahu individu positif Covid-19 untuk bersama dengan pengundi lain.

"Kita tidak boleh buat saluran baharu kerana seperti dimaklum-

FOTO: BERNAMA

kan, SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya) punya kekangan sumber dan sebagainya, jadi kita benarkan mereka (pesakit Covid-19) masuk, mengundi, keluar dan balik," katanya pendekatan itu adalah paling selamat dan efisien untuk membenarkan individu positif Covid-19 keluar mengundi.

Justeru, Khairy turut menasihatkan para pengundi lain agar bersabar sekiranya melihat mana-mana individu yang dibawa terus memasuki bilik mengundi pada hari pengundian PRU15.

Selain itu, KKM menasihatkan semua pengundi agar menggunakan pensanitasi tangan yang disediakan di tempat mengundi malah disyorkan untuk membawa pensanitasi tangan sendiri serta mematuhi penjarakan fizikal dalam mencegah jangkitan Covid-19.

- Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : NASIONAL

Jumlah kes baharu menurun kepada 16,478 kes

KUALA LUMPUR - Jumlah kes harian baharu Covid-19 negara menurun sepanjang enam hari lepas kepada 16,478 kes berbanding 21,539 kes pada tempoh yang sama.

Sepanjang tempoh enam hari itu, kes Covid-19 kekal bawah paras 4,000 dan pada Khamis, Malaysia mencatat sebanyak 3,457 kes harian baharu Covid-19 termasuk sembilan kes kematian dan dua kes import.

Daripada 3,457 kes, negeri Selangor men-

catat kes tertinggi sebanyak 1,187 diikuti oleh WP Kuala Lumpur (322), Sabah (266), Melaka (262), Pulau Pinang (216), Kedah (171), Pahang (159), Sarawak (158), Negeri Sembilan (146), Perak (139), WP Putrajaya (131) dan Kelantan (124).

Negeri yang mencatat kes dua angka adalah Johor (79), Terengganu (77) dan WP Labuan (16).

Perlis pula negeri tunggal mencatat kes satu angka iaitu empat empat kes. -*Bernama*